

Muhyiddin: Sistem pilihan raya OK, cuma perlu dikemas
The Malaysian Insider
Ogos 16, 2011
Oleh Shazwan Mustafa Kamal

PUTRAJAYA, 16 Ogos — Sambil mempertahankan sistem pilihan raya negara ini baik dan telus, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, jawatankuasa pemilih Parlimen hanya akan bertindak sebagai saluran untuk mengemaskan proses dan tatacara sedia ada.

“Ini tidak bermakna sistem semasa tidak baik. Kami tidak pernah mempersoalkan (sistem pilihan raya) sedia ada dan banyak telah diakui oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)... ia (hanya) perlu dikemaskan,” kata Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita di sini hari ini.

Timbalan Presiden Umno ini berkata pengumuman mengenai pembentukan jawatankuasa itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak semalam bukti Barisan Nasional (BN) serius dalam mengkaji isu-isu dibawa oleh orang ramai mengenai sistem semasa.

Malah kata Muhyiddin (gambar), usaha terbaru Najib menunjukkan isu agar sistem pilihan raya bebas dan adil bukan sesuatu yang hanya diminta oleh pembangkang, sebaliknya BN juga serius dalam memastikan setiap orang gembira dengan sistem yang digunakan.

“Kami juga mahu dipilih menerusi satu sistem yang adil... ada ketelusan agar ahli-ahli Parlimen dari kedua-dua sebelah boleh membincangkannya. Ini menunjukkan kemahuan BN dalam perkara ini,” kata beliau sambil menambah, panel tersebut akan mengadakan perundingan dengan semua pihak khususnya SPR.

Semalam, Najib mengumumkan penubuhan jawatankuasa pemilih Parlimen mengenai pembaharuan pilihan raya dalam masa terdekat bagi mengelakkan sebarang syak wasangka wujudnya manipulasi oleh kerajaan.

Najib berkata panel itu yang akan dianggotai oleh anggota parti kerajaan dan pembangkang akan membincangkan apa yang perlu dilakukan untuk mendapatkan kata sepakat ke arah itu.

“Ini supaya kita akan dapat kata sepakat untuk mengendalikan pilihan raya akan datang tanpa sebarang rasa syak wasangka bahawa ada sesuatu manipulasi yang dilakukan oleh kerajaan,” kata Najib.

Najib mengumumkan langkah itu susulan perhimpunan Bersih 2.0 bulan lalu yang menentang lapan tuntutan pembaharuan sistem pilihan raya.

Susulan perhimpunan itu, pada minggu lalu, Pakatan Rakyat yang mempertikaikan status daftar pemilih, meminta Najib memanggil sidang Parlimen khas bagi membincangkan isu-isu pilihan raya khususnya dakwaan menjadikan warga asing sebagai pemilih dengan dianugerahkan status kewarganegaraan kepada pemastautin tetap.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-sistem-pilihan-raya-ok-cuma-perlu-dikemas/>